

Negara Islam: Karpal sang kal kenyataan Man Hin

UM 25 OCT 2001

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh hari ini menyangkal kenyataan penasihat parti itu, Chen Man Hin baru-baru ini yang mendakwa Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang sederhana.

Katanya, pandangan Chen itu bersifat peribadi dan terhad kepada dirinya sahaja serta tidak mewakili pandangan ahli DAP keseluruhannya.

DAP katanya, tetap teguh dengan pendirian bahawa Malaysia merupakan sebuah negara sekular dengan agama Islam sebagai agama rasminya dan bukannya sebuah negara Islam.

"Penarikan DAP dari pakatan pembangkang sudah cukup membuktikan DAP menolak sebarang konsep negara Islam," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurut Karpal, Chen telah silap faham tentang konsep negara Islam seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 29 September yang lalu.

"Walaupun beliau berhak untuk memberi pendapat tetapi pendapatnya itu tidak boleh

disalahertikan sebagai pendapat DAP," katanya lagi.

Sebuah akhbar tempatan pada 24 Oktober lalu melaporkan kenyataan Chen yang bersetuju dengan pengumuman Perdana Menteri bahawa Malaysia sebuah negara Islam yang sederhana.

Dalam laporan akhbar itu, Chen berkata, DAP mengharagai kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan tidak faham tentang kedegilan Pas untuk menubuh negara Islam.

DAP, kata Karpal, akan tetap tidak menerima Malaysia sebagai negara Islam dan mahukan Malaysia sebagai negara sekular berlandaskan demokrasi, keadilan dan hak asasi manusia.

Tunku Abdul Rahman juga, tegasnya, telah mengumumkan bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam tetapi menerima Islam sebagai agama rasmi.

Menurutnya, Tunku membuat pengisytiharan itu semasa debat Perlembagaan Persekutuan berhubung majlis perundangan pada tahun 1958.